

**Muhyiddin Harap Polis Perbanyak Tugas Bersama Masyarakat
Bernama
1 Oktober , 2011**

KUALA LUMPUR, 1 Okt (Bernama) -- Tan Sri Muhyiddin Yassin menyarankan Polis Diraja Malaysia (PDRM) memberi lebih banyak peluang kepada anggotanya menjalankan tugas yang lebih dekat kepada masyarakat agar hubungan lebih akrab terjalin dengan orang awam.

Berucap merasmikan Hari Terbuka PDRM 2011 di Dataran Merdeka di sini hari ini, Timbalan Perdana Menteri berkata pengurusan PDRM boleh memberi tugas lebih berbentuk pegawai pengaman dan bukan semata-mata penguatkuasa undang-undang kepada anggotanya.

"Saya ingin menyarankan agar pihak polis menimbangkan potensi penggiliran pegawai dan anggotanya dalam tugas kepolisian masyarakat untuk memperluaskan pendedahan semua warga polis kepada kaedah mesra rakyat," katanya.

Menurut Muhyiddin, hubungan kukuh antara polis dan penduduk adalah asas perkongsian pintar yang dapat membantu mengenal pasti jenayah dengan awal dan melaksanakan strategi terbaik untuk mengatasinya.

"Jelas sekali pencegahan jenayah bukan sahaja memerlukan kesedaran tentang jenayah masyarakat, malah amat bergantung kepada kerjasama yang diterima pihak polis daripada masyarakat setempat," katanya.

Muhyiddin berkata rasa lebih selamat rakyat Malaysia dapat dilihat melalui hasil kajian TNS Research International Malaysia yang mendapati kadar kebimbangan terhadap jenayah menurun daripada 52 peratus pada November tahun lepas kepada 48.9 peratus pada Januari lalu.

Pada majlis itu, beliau turut melancarkan Hari Kesedaran Jenayah dengan mendengar ikrar 1,000 orang Belia 1Malaysia yang berbasikal dalam program Kayuhan 1,000 Belia untuk membantu polis membanteras jenayah.

Turut hadir Menteri Dalam Negeri Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein dan Yang Dipertua Dewan Negara Tan Sri Abu Zahar Ujang.

Pelbagai program diadakan sempena Hari Terbuka PDRM itu antaranya pameran, permainan bola sepak jalanan dan persembahan khas oleh PDRM bermula 8.30 pagi hingga 6 petang ini.

---BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=617033>